

Latihan Kebakaran dan Menyelamat di pusat beli belah Harbour Mall, Four Points By Sheraton jadi tumpuan

SANDAKAN: Pusat membeli-belah Harbour Mall Sandakan dan Four Points By Sheraton Hotel di sini menjadi tumpuan orang ramai apabila berlangsungnya satu Latihan Kebakaran dan Menyelamat yang menggempar ramai pihak.

Latihan yang dijalankan petang Jumaat lepas sebenarnya aktiviti tahunan oleh pihak pengurusan Harbour Mall bagi memberi pendedahan apabila berlakunya kecemasan terutama melibatkan situasi seperti kebakaran.

Pada mulanya, orang ramai gempar seketika apabila penggera kebakaran dibunyikan kira-kira jam 2.30 petang yang disusuli berkepul-kepul asap api kelihatan keluar dari tingkat 5 di mana berlakunya senario kebakaran di pusat membeli-belah tersebut.

Pasukan Bomba dan Penyelamat Sandakan yang terlibat dalam latihan kemudiannya tiba dengan sebuah jentera dan kenderaan utiliti bersama 10 anggotanya yang diketuai Pegawai Operasi iaitu Rasbedee Devi Engsoi.

Mereka kemudiannya memadamkan kebakaran sambil menyelamatkan tiga orang yang tercedera iaitu dua daripada Harbour Mall dan seorang dari hotel dalam masa 30 minit.

Ketika situasi itu, pengunjung pusat membeli-belah berkenaan termasuklah pekerja dan penyewanya selain tetamu hotel telah pun berkumpul di perkarangan Pasar Umum Sandakan selepas masing-masing meninggalkan bangunan untuk latihan kecemasan.

Bercakap kepada pemberita semasa ditemui, Naib Presiden Bahagian Keselamatan dan Pengawasan Ireka Corporation Berhad iaitu Jamz Jamsari memberitahu latihan setahun sekali ini adalah bagi memastikan langkah-langkah keselamatan dapat diambil sekiranya berlaku situasi cemas.

"Ia penting supaya semua pihak khususnya warga pengurusan Harbour Mall, pekerja, penyewa dan pengunjung termasuk hotel mendapat pendedahan apabila berlakunya kecemasan nanti.

"Kita mahu mengetengahkan kepada orang awam mengenai kesedaran keselamatan dan bagaimana untuk mengatasi sebarang situasi yang sukar. Melalui demonstrasi latihan kebakaran ini, pihak Harbour Mall dan Four Points By Sheraton setidak-tidaknya mendapat pendedahan bagi langkah-langkah keselamatan di dalam bangunan," jelasnya.

Jamz berkata, latihan juga untuk menguji dan memberi jaminan bahawa sistem keselamatan, penggera dan api adalah dalam keadaan yang baik dan bersedia untuk Harbour Mall.

Katanya, ia juga melatih dan mengaudit sistem Pasukan Tindakan Kecemasan atau ERT bagi keselamatan di tempat kerja.

"Latihan kebakaran ini direkodkan oleh pihak



SENARIO KEBAKARAN ... Kelihatan asap keluar berkepul-kepul dari tingkat 5 pusat membeli-belah berkenaan di mana berlakunya situasi kebakaran itu.



JAMZ JAMSARI

bomba yang mana Harbour Mall telah mencapai tujuh minit untuk memindahkan mereka yang berada dalam bangunan ke kawasan selamat.

"ERT berjaya membimbing penghuni, penyewa dan pengunjung untuk keluar dengan selamat ke kawasan luar yang terdekat.

"Ia juga untuk memastikan tidak berlaku suasana panik ketika pemindahan. Dengan cara yang teratur untuk keselamatan, kita dapat mengambil langkah-langkah sedemikian," ujarnya. - OLEH ROZZALIN HASHIM (rozzalin@newsabahtimes.com.my)



TAKLIMAT ... Jamz (duduk, tengah) semasa bercakap kepada pemberita dalam taklimat yang dihadiri bersama pihak pengurusan Harbour Mall dan Four Points By Sheraton Hotel sebelum latihan kebakaran dimulakan.



LATIHAN KEBAKARAN ... Pengunjung pusat membeli-belah Harbour Mall, pekerja dan penyewa termasuk tetamu hotel dipindahkan ke kawasan terbuka sebagai langkah-langkah keselamatan pada latihan tersebut.



CEDERA ... Para anggota bomba mengusung keluar salah seorang mangsa yang dikatakan cedera dalam kebakaran sempena latihan ini.